




MASTI

MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2024

ANUGERAH PENTADBIR TERBILANG UNIVERSITI AWAM

**ANUGERAH PENULISAN
SAINS DAN TEKNOLOGI**



MASTI
MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2024

ANUGERAH PENTADBIR TERBILANG UNIVERSITI AWAM (ANUGERAH PENULISAN SAINS DAN TEKNOLOGI)

** sebelum ini dikenali sebagai Anugerah Pentadbir Gemilang MASTI (Penulisan Ilmiah)*

1. ASAS ANUGERAH

ANUGERAH PENULISAN SAINS DAN TEKNOLOGI merupakan anugerah yang diberikan kepada staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbir) untuk mengiktiraf dan memotivasi penulis untuk terus menghasilkan penulisan berkualiti tinggi yang menyumbang kepada pengetahuan dan kesedaran umum dalam bidang sains dan teknologi. Penulisan Sains dan Teknologi boleh didefinisikan sebagai penulisan dan penyebaran maklumat berkaitan sains dan teknologi. Penghargaan ini diberikan sebagai pengiktirafan terhadap kecekapan dan kecemerlangan dalam menyampaikan maklumat saintifik atau teknikal kepada masyarakat atau komuniti yang lebih luas.

2. KRITERIA

2.1 Penilaian adalah berdasarkan kepada Pentadbir yang :

- 2.1.1 aktif dalam bidang penulisan dan menghasilkan karya yang asli;
- 2.1.2 karya yang dihasilkan perlu diterbitkan dalam pelbagai media dan platform;
- 2.1.3 penghasilan karya-karya yang berkualiti dan berimpak tinggi dalam jurnal berwasit;
- 2.1.4 pernah mendapat anugerah / pengiktirafan terhadap penulisan yang diterbitkan di peringkat universiti / komuniti / negeri / kebangsaan / antarabangsa;

2.2 Sumbangan dan pencapaian yang dinilai adalah dalam tempoh tiga (3) tahun terkini (2022, 2023 dan 2024) sahaja.



3. SYARAT – SYARAT & PERATURAN

- 3.1 Terbuka kepada semua staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbir), lantikan tetap atau kontrak merangkumi semua skim perkhidmatan yang sedia ada di universiti.
- 3.2 Memperolehi markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan 85% dan ke atas bagi tempoh dua (2) tahun terkini (2022 dan 2023).
- 3.3 Merupakan ahli yang berdaftar dengan Persatuan Pentadbir Universiti Awam masing-masing yang bernaung di bawah MASTI.
- 3.4 Mempunyai personaliti yang baik dan tidak terlibat dengan kes-kes tatatertib atau salah laku.
- 3.5 Wajib menggunakan borang online yang telah disediakan dan hendaklah dikemukakan melalui Pengerusi/Presiden Persatuan Pentadbir Universiti Awam masing-masing atau melalui pihak Pengurusan Universiti masing-masing.
- 3.6 Pentadbir yang pernah memenangi anugerah ini adalah tidak layak mengemukakan pencalonan bagi kategori anugerah yang sama dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tahun terakhir yang dimenangnya. Walau bagaimanapun, Pentadbir tersebut boleh mengemukakan pencalonan untuk kategori anugerah yang lain.
- 3.7 Borang pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama dokumen berikut:
 - 3.7.1 Bahan bukti sumbangan dan pencapaian (contoh: sijil, surat penghargaan, surat lantikan, laporan projek, bukti bergambar, keratan akhbar dan sebagainya). Bahan bukti yang dikemukakan hendaklah mempunyai keterangan jelas yang menunjukkan penglibatan calon seperti tertera nama / gambar calon / mana-mana kaedah yang menjelaskan penglibatan calon. Mana-mana sumbangan dan pencapaian yang tidak mengemukakan bahan bukti tidak akan diterima dan tidak akan dinilai. Mana-mana bahan bukti yang tidak menunjukkan penglibatan calon secara jelas juga tidak akan diterima dan tidak akan dinilai.
- 3.8 Tarikh tutup pencalonan adalah sebagaimana maklumat pada poster induk.



4. HADIAH

- 4.1 Sijil Pemenang
- 4.2 Trofi
- 4.3 Wang Tunai bernilai :
 - 4.3.1 Penarafan emas – RM300
 - 4.3.2 Penarafan perak – RM200
 - 4.3.3 Penarafan gangsa – RM100

5 PROSEDUR PERMOHONAN DAN PEMILIHAN CALON

- 5.1 Pencalonan hendaklah dibuat menggunakan borang online yang ditetapkan oleh pihak MASTI. Kaedah pencalonan adalah seperti berikut :
 - 5.1.1 Mencalonkan diri sendiri; atau
 - 5.1.2 Dicalonkan oleh rakan sekerja; atau
 - 5.1.3 Dicalonkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) / Jabatan; atau
 - 5.1.4 Dicalonkan oleh Presiden Persatuan Pentadbir
- 5.2 Penyertaan pencalonan yang pertama adalah PERCUMA. Manakala penyertaan pencalonan yang ke-2 dan seterusnya dikenakan bayaran sebanyak Ringgit Malaysia : Dua Puluh sahaja (RM20.00).
- 5.3 Semua pencalonan yang lengkap akan dikemukakan kepada Panel Penilai Anugerah Pentadbir Universiti Awam untuk tujuan pemilihan muktamad. Hanya seorang sahaja akan dipilih sebagai pemenang dalam kalangan Pentadbir Universiti Awam.
- 5.4 Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada pencapaian markah minimum yang ditetapkan oleh Panel Penilai. Sekiranya tiada calon yang mencapai markah minimum yang ditetapkan, tiada pemenang bagi kategori anugerah tersebut.
- 5.5 Keputusan akhir yang telah dipersetujui oleh Panel Penilai Anugerah Pentadbir Universiti Awam dan Jawatankuasa Eksekutif MASTI akan dimaklumkan secara rasmi kepada setiap pemenang yang terpilih melalui Presiden Persatuan Pentadbir dan Pendaftar universiti masing-masing.
- 5.6 Semua keputusan yang dikeluarkan adalah muktamad.

6 PENUTUP

6.1 Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

**Jawatankuasa Anugerah, Penjurian, Sistem dan Hadiah
Anugerah Pentadbir Gemilang Universiti Awam Malaysia 2024**

Pegawai (1) : Dr. Mohd Fadhzil bin Zainol (019-339 6587)

Pegawai (2) : En. Helmee bin Yaacob (012-719 2294)



MASTI
MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

Terbitan Khas :
Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI)
2024